

UCAPAN PERDANA MENTERI MELALUI
RADIO/TV MALAYSIA, BERHUBUNG DENGAN
DEMONSTRASI-DEMONSTRASI PELAJAR-
PELAJAR UNIVERSITI PADA 8HB DISEMBER,
1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka mengambil peluang pada malam ini bercakap kepada saudara-saudara sekalian berkenaan dengan peristiwa demonstrasi dan juga gerakan-gerakan haram yang dijalankan oleh penuntut-penuntut di Universiti-universiti dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi di negara kita baru-baru ini. Seperti kita semua maklum, pada minggu yang lepas, beberapa demonstrasi telah berlaku di Negeri Kedah dan juga di utara Negeri Perak yang dihasut oleh pihak penuntut-penuntut dan anasir-anasir lain yang melibatkan penduduk-penduduk luar bandar.

Pada 3hb ini, penuntut-penuntut dari Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya, Institiut Teknologi MARA, Institiut Teknologi Kebangsaan dan Kolej Tunku Abdul Rahman telah mengadakan demonstrasi secara haram di Padang Selangor Club di Ibu Kota Kuala Lumpur. Oleh sebab perbuatan ini melanggar undang-undang negara, pihak Polis terpaksa mengambil tindakan untuk menyuraikan mereka. Akan tetapi, sebahagian daripada mereka itu masih berdegil dan telah lari berlindung dalam Masjid Negara. Di Masjid Negara mereka telah melakukan berbagai perbuatan yang cemar iaitu seperti mengugut pegawai-pegawai Masjid dan merosakkan perkakas-perkakas di Masjid itu dan juga telah membaling batu serta pasu-pasu bunga terhadap pihak Polis yang berada di luar Masjid serta orang-orang lalu lalang di jalanraya.

Saudara-saudara sekalian.

Oleh sebab pihak Polis memikirkan perbuatan penuntut-penuntut ini akan membahayakan keselamatan rakyat dan ketenteraman awam, maka dengan permintaan Imam Besar Masjid Negara, anggota-anggota Polis telah masuk ke dalam Masjid bagi menyuraikan penuntut-penuntut itu. Penuntut-penuntut yang berdegil telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah pada 4hb untuk dibicarakan menurut undang-undang negara.

Kerajaan sangat memandang berat atas perkara ini dan pihak Polis telah mengambil langkah mengawasi Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan juga ITK dan ITM. Adalah nyata di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan khususnya, penuntut-penuntut menyalahgunakah kebebasan Universiti dengan menjadikan Kampus itu sebagai kubu mereka untuk merancang dan menjalankan kekerasan, mengadakan demonstrasi serta mengganggu ketenteraman awam. Malam hari Jumaat, 6 Disember mereka cuba keluar daripada Kampus dan telah membakar kayu-kayu yang berada di tepi jalan termasuklah tanda-tanda jalan dan juga merosakkan lampu isyarat dan pondok-pondok Polis yang berdekatan dengan Universiti.

Apabila didapati keadaan ini tidak juga reda sejak beberapa hari sehingga kelmarin hari Sabtu, 7hb Disember, Kerajaan telah mengambil kesimpulan kalau tindakan tegas tidak diambil terhadap ketua-ketua penuntut yang menghasut itu, keadaan akan menjadi bertambah buruk lagi. Tambahan pula ketua-ketua penuntut itu berlindung dalam bilik-bilik asrama Universiti tetapi yang keluar menjalankan gerakan ialah penuntut-penuntut lain yang terikut-ikut sahaja iaitu mereka yang boleh dikatakan tidak bersalah.

Kerajaan juga berpendapat bahawa pihak berkuasa di Universiti-universiti tersebut nampaknya tidak dapat lagi mengawal ketenteraman di dalam Universiti. Setengah-setengah kelas kuliah yang berjalan sentiasa terganggu sehingga tidak dapat dihadiri oleh penuntut-penuntut, sedangkan bilangan ramai penuntut-penuntut ingin meneruskan pelajaran mereka. Oleh yang demikian, pada waktu subuh pagi tadi, pihak Polis telah masuk ke dalam Kampus Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya dengan tujuan hendak menangkap ketua-ketua penuntut yang ada menyembunyi diri di situ. Gerakan ini telah dapat dijalankan dengan sempurna dan boleh dikatakan semua ketua-ketua penuntut yang bertanggungjawab melancarkan gerakan haram itu sekarang telah ditangkap dan ditahan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka menerangkan iaitu Kerajaan mengambil langkah ini ialah pertama dengan tujuan hendak mengamankan negara, hendak menjaga supaya gerakan-gerakan haram ini tidak merebak dan melibatkan pihak-pihak lain yang boleh membawa kepada

pertumpahan darah dan kehilangan jiwa. Yang kedua, Kerajaan hendak mengasingkan ketua-ketua penuntut yang bertanggung-jawab dalam hal ini daripada penuntut-penuntut yang tidak bersalah yang telah dipaksa oleh mereka supaya ikut melakukan perbuatan jahat mereka itu.

Kita mempunyai lebih kurang 20,000 penuntut di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara kita dan ketua-ketua penuntut yang menjalankan perbuatan jahat ini hanyalah sebilangan kecil iaitu sepuluh hingga lima belas orang saja. Mereka ini adalah dipengaruhi oleh anasir-anasir Komunis dan anasir-anasir daripada luar negeri yang bertujuan hendak menimbulkan huru hara di negara kita. Seperti saya sebutkan dalam Persidangan UMNO pada hari Jumaat yang lalu, penuntut-penuntut yang menjadi ketua-ketua adalah mereka yang telah gagal dalam pengajian dan mereka tidak mempunyai niat lagi hendak belajar dan semata-mata hendak menjalankan gerakan-gerakan jahat menentang Kerajaan untuk menimbulkan huru hara di kalangan rakyat. Oleh itu Kerajaan berharap dengan ketua-ketua ini dipisahkan daripada penuntut-penuntut yang lain, penuntut-penuntut yang lain dapatlah meneruskan pengajian mereka dengan sempurna serta tidak diganggu oleh mana-mana pihak.

Saya suka menegaskan kepada ibu-bapa supaya jangan bimbang di atas hal ini kerana Kerajaan bertujuan baik hendak menjaga kepentingan sebahagian besar penuntut-penuntut di Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang kita kehendaki supaya menumpukan masa dan tenaga mereka kepada pelajaran dan lulus dalam peperiksaan serta menjadi warganegara yang berguna. Negara kita berkehendakkan ramai orang-orang yang terpelajar untuk menjalankan pentadbiran dan membawa kemajuan kepada rakyat sekalian. Kerajaan telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk memberi pelajaran kepada penuntut-penuntut kita dan Kerajaan tidak suka melihat wang rakyat yang begitu banyak disia-siakan sahaja.

Sekarang dengan ketua-ketua penuntut yang bersalah menjalankan perbuatan jahat dan khianat itu telah dipisahkan daripada sebahagian besar penuntut-penuntut yang lain, saya yakin dan percaya keadaan di Universiti-universiti itu dapat dipulihkan dan penuntut-penuntut sekalian dapat meneruskan pelajaran mereka seperti sediakala.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka juga menegaskan di sini iaitu penuntut-penuntut ini dalam surat-surat siaran yang dikeluarkan oleh mereka ada menyebutkan iaitu rakyat khususnya di Baling lapar kerana keadaan inflasi. Kata-kata mereka itu adalah dusta dan bohong semata-mata kerana kita semua tahu di negara kita ini tidak ada orang yang lapar apatah lagi mati kebuluran. Perkara ini tidak mungkin berlaku selagi rakyat sanggup berusaha mencari rezeki.

Kerajaan sedar disebabkan keadaan inflasi sekarang ini dan juga kemerosotan ekonomi dunia, rakyat di kampung-kampung khususnya menghadapi sedikit kesusahan, tetapi kesusahan rakyat di negara kita ini sangat jauh kurangnya kalau dibandingkan dengan keadaan yang dialami oleh negara-negara lain.

Kerajaan telah mengambil apa jua langkah yang difikirkan perlu dan munasabah bagi meringankan bebanan rakyat. Berkenaan dengan harga getah, Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas baru-baru ini dan sekarang harga getah telah mula meningkat naik. Hari ini harga getah telah naik 143 sen sekilo atau lebih kurang lapan puluh lapan sen sekati berbanding dengan seminggu dulu, dan Kerajaan telah menjalankan gerakan membeli getah terus dari pekebun-pekebun kecil supaya dengan itu rakyat boleh mendapat harga yang sewajarnya. Faedah-faedah dari langkah Kerajaan ini nyata sekarang telah diterima oleh rakyat di kampung-kampung. Begitu juga saya telah mengisytiharkan baru-baru ini kita akan melancarkan gerakan Buku Hijau iaitu pengeluaran hasil pertanian secara besar-besaran untuk hendak menambah barang-barang makanan dan keperluan sehari-hari dengan lebih banyak lagi. Inilah perkara yang penting sekali yang dapat kita ambil untuk hendak mencegah inflasi atau stagflasi yang kita hadapi masa ini.

Akan tetapi, kalau ada puak anti-nasional dan Komunis dan juga penuntut-penuntut yang dipengaruhi oleh mereka itu menjalankan gerakan dan demonstrasi haram ini, sudah tentulah akan menghalang Kerajaan daripada menjalankan usaha-usahanya. Kita menghantar penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi bukanlah dengan tujuan supaya mereka berdemonstrasi tetapi ialah untuk belajar dan mengisi dada dengan ilmu pengetahuan supaya menjadi rakyat yang berguna. Kita semua sayang kepada anak-anak muda kita terutanna sekali penuntut-penuntut di pusat-pusat

pengajian tinggi. Sebahagian besar daripada penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi itu diberi kemudahan yang cukup, diberi biasiswa dan ada setengah daripada mereka tidak mempunyai kelayakan yang cukup untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi tetapi Kerajaan masukkan juga kerana kita benar-benar hendak memberi peluang kepada mereka itu untuk mendapatkan pelajaran tinggi dan untuk menjadi rakyat yang berguna kepada negara.

Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa sangat sedih dengan keadaan yang berlaku ini. Lebih-lebih pula sedih dengan perbuatan penuntut-penuntut yang kebanyakannya datang daripada kampung-kampung dan daripada golongan yang miskin yang telah diberi peluang penuh oleh Kerajaan untuk mendapat pelajaran tinggi. Mereka itu patutlah insaf kepada keadaan mereka itu sendiri, insaf kepada kedudukan ibu-bapa mereka dan masa hadapan mereka. Mereka itu patut mengenang keadaan mereka itu pada masa sebelum masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi dan mereka itu patut menumpukan masa dan usaha belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat menolong ibu bapa mereka, kaum keluarga mereka yang miskin dan kepada diri mereka sendiri.

Saya telah berkhidmat dalam Kerajaan berpuluh-puluh tahun lamanya. Pada masa saya mula-mula menjadi Menteri Pelajaran pada tahun 1955 dulu, penuntut-penuntut Melayu di Universiti hanyalah sebilangan kecil lebih kurang 11% sahaja. Hari ini ada belasan ribu penuntut-penuntut Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi. Pada masa dahulu kita hanya ada sebuah Universiti saja iaitu Universiti Malaya. Sekarang ini kita ada lima buah Universiti—Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian, Universiti Sains Malaysia dan Institiut Teknologi Kebangsaan. Selain daripada itu, kita telah mendirikan kompleks bangunan yang besar bagi Institiut Teknologi MARA dengan tujuan memberi peluang kepada penuntut-penuntut yang tidak mempunyai kelayakan untuk mendapat pelajaran kelulusan yang tinggi sama dengan Universiti. Nyatalah apa saja usaha yang patut diambil dalam lapangan pelajaran untuk menolong penuntut-penuntut yang miskin terutama orang-orang Melayu telahpun dijalankan. Peluang-peluang yang besar diberi kepada mereka itu iaitu peluang-peluang yang mereka tidak boleh mimpikan pada

masa penjajahan dulu. Sebaliknya penuntut-penuntut inilah yang sekarang menjalankan gerakan haram menentang Kerajaan yang memberikan kemudahan-kemudahan kepada mereka itu.

Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa sangat sedih, sangat dukacita di atas peristiwa yang berlaku seminggu ini akan tetapi sebagai Perdana Menteri yang mengetuai Kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyat, saya tidak akan lari daripada tanggungjawab saya bagi menjaga keamanan dan ketenteraman negara dan menjalankan langkah-langkah untuk menolong rakyat yang miskin dan yang berpendapatan rendah. Sudah dua puluh tahun saya berkorban tenaga, usaha dan fikiran yang ada pada saya untuk kepentingan bangsa dan negara. Saya sedia terus berkorban hatta jiwa raga saya sendiri. Akan tetapi biarlah dengan pengorbanan itu negara kita aman dan rakyat maju terutama sekali mereka yang miskin mendapat tempat yang sewajarnya di negara kita yang dikasihi ini. Selagi saya diberi kepercayaan oleh rakyat memimpin Kerajaan dan Kerajaan ini adalah mempunyai mandat yang besar dari rakyat, saya dan rakan-rakan saya akan terus menjalankan tanggungjawab berpandu kepada prinsip Demokrasi dan Rukunegara dan akan mempertahankan undang-undang yang terkandung dalam Perlembagaan kita. Saya penuh yakin perkara ini akan diredai Allah demi kepentingan Bangsa dan Negara.

Saya harap dengan keterangan-keterangan yang saya berikan ini, saudara-saudara akan jelas dan faham akan kedudukan yang sebenarnya dan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan dalam menjalankan segala langkah untuk mengekalkan ketenteraman, keamanan dan keharmonian di kalangan seluruh rakyat.

Sekianlah sahaja, selamat malam.